

AXCEL CEFUROXIME-250 CAPSULE

Cefuroxime Axetil (250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Cefuroxime-250 Capsule.
2. Bagaimana Axcel Cefuroxime-250 Capsule berfungsi
3. Sebelum mengambil Axcel Cefuroxime-250 Capsule.
4. Cara menggunakan Axcel Cefuroxime-250 Capsule.
5. Semasa menggunakan Axcel Cefuroxime-250 Capsule.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cefuroxime-250 Capsule.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan pemegang Pendaftaran produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Cefuroxime-250 Capsule

Axcel Cefuroxime-250 Capsule boleh digunakan untuk:

- Jangkitan bahagian atas saluran pernafasan (sebagai contoh: telinga, hidung dan jangkitan kerongkong, seperti *otitis media*, *sinusitis*, *tonsillitis* dan *pharyngitis*).
- Jangkitan bahagian lebih rendah saluran pernafasan (sebagai contoh: *pneumonia*, *acute bronchitis* dan *acute exacerbations of chronic bronchitis*).
- Jangkitan saluran genitourinari (sebagai contoh: *pyelonephritis*, *cystitis* dan *urethritis*).
- Jangkitan kulit dan tisu lembut (sebagai contoh: *furunculosis*, *pyoderma* dan *impetigo*).
- *Gonorrhoea* (jangkitan kelamin), *acute uncomplicated gonococcal urethritis* (keradangan uretra) dan *cervicitis* (keradangan serviks).

Bagaimana Axcel Cefuroxime-250 Capsule berfungsi

Axcel Cefuroxime-250 Capsule tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antibiotik cephalosporin. Bahan aktif di dalam Axcel Cefuroxime-250 Capsule (Cefuroxime Axetil) bertindak dengan membunuh

bakteria (kuman) yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum mengambil Axcel Cefuroxime-250 Capsule

– Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergi atau hipersensitif pada antibiotik cephalosporin. Beberapa simptom-simptom reaksi alergi termasuk ruam kulit, gatal-gatal, sukar bernafas, bengkak pada muka, bibir atau lidah.

– Sebelum menggunakan Axcel Cefuroxime-250 Capsule

Sebelum anda mengambil Axcel Cefuroxime-250 Capsule anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada mana-mana ubat-ubatan.
- Jika anda mempunyai reaksi alergi yang serius terhadap penicillin. Terdapat kemungkinan peningkatan risiko untuk anda menjadi alergi terhadap Cefuroxime jika anda alergi terhadap penicillin.
- Jika anda sedang menerima rawatan serentak dengan diuretik.
- Sila dapatkan nasihat doktor anda sebelum mula menggunakan Axcel Cefuroxime-250 Capsule jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau bercadang untuk menyusukan anak. Doktor anda akan merpertimbangkan risiko untuk anda mengambil Axcel Cefuroxime-250 Capsule berbanding dengan faedah yang mereka harapkan untuk anda.

– Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

- *Furosemide* (ubat diuretik)
- *Probenecid* untuk penyakit gout
- Ubat yang mengurangkan keasidan perut

• Cephalosporins

Doktor atau ahli farmasi anda mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil Axcel Cefuroxime-250 Capsule.

Cara menggunakan Axcel Cefuroxime-250 Capsule

– Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral sahaja.

Dewasa:

Kebanyakan jangkitan akan berkesan terhadap 250mg dua kali sehari. Ikut semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada botol, dapatkan bantuan dari doktor atau ahli farmasi anda.

Kanak-kanak:

Dos yang biasa ialah 125mg dua kali sehari atau 10mg/kg dua kali sehari kepada maksimum 250mg harian.

Jika anda adalah warga emas atau mempunyai masalah buah pinggang, doktor anda mungkin akan memberi anda dos sehingga maksimum 1g setiap hari. Kursus biasa terapi adalah tujuh hari. Axcel Cefuroxime-250 Capsule harus diambil selepas makan untuk penyerapan optimum.

– Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Cefuroxime-250 Capsule.

– Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatian.
- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

Jangan berhenti mengambil ubat, walaupun anda berasa lebih baik

AXCEL CEFUROXIME-250 CAPSULE

Cefuroxime Axetil (250mg)

selepas beberapa hari, kecuali dinasihatkan oleh doktor anda. Jangkitan anda mungkin tidak dihilangkan sepenuhnya jika anda berhenti mengambil ubat anda terlalu awal.

- Jika terlupa menggunakan

- Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Cefuroxime-250 Capsule mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Dinasihatkan supaya hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda mengambil Axcel Cefuroxime-250 Capsule berlebihan. Mengambil terlalu banyak tablet boleh menyebabkan sawan.

Semasa menggunakan Axcel Cefuroxime-250 Capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan doktor anda jika anda perlu mengambil ubat lain secara tiba-tiba.
- Ambil Axcel Cefuroxime-250 Capsule mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.
- Jika anda mendapat cirit-birit yang teruk, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Cefuroxime-250 Capsule lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan lebiki dos kapsul pada setiap satu masa pengambilan.
- Jangan berikan Axcel Cefuroxime-250 Capsule kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom

atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Axcel Cefuroxime-250 Capsule memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Cefuroxime-250 Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doctor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

Gangguan gastrousus, termasuk cirit-birit, loya dan muntah, telah berlaku kepada sesetengah pesakit yang menerima Cefuroxime Axetil. Seperti antibiotik spektrum luas yang lain, terdapat laporan tentang *pseudomembranous colitis* (radang usus besar). Sakit kepala juga telah dilaporkan. Jarang terdapat laporan *erythema multiforme* (penyakit kulit yang disebabkan oleh reaksi alergi atau jangkitan), sindrom Stevens-Johnson, *toxic epidermal necrolysis* (reaksi kulit yang teruk), *thrombocytopenia* (bilangan platelet yang rendah), *leucopenia* (penurunan bilangan sel darah putih), jaundis, *haemolytic anaemia* (pemecahan sel darah merah yang tidak normal) dan tindak balas hipersensitif termasuk ruam kulit, urtikaria (gatal-gatal), pruritus (gatal-gatal), demam dadah, penyakit serum dan sangat jarang anafilaksis (reaksi alergi yang teruk).

Eosinophilia (tahap eosinophils yang lebih tinggi daripada biasa) dan kenaikan sementara tahap enzim hepatic (ALT dan AST) telah diperhatikan semasa terapi Cefuroxime

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan

Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers -> reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cefuroxime-250 Capsule

- Penyimpanan

Jauhkan Axcel Cefuroxime-250 Capsule dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Axcel Cefuroxime-250 Capsule adalah ungu / Amethyst, kapsul gelatin saiz 0.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

Cefuroxime Axetil

Bahan Tidak Aktif:

Lactose Hydrous, PVP-CL, Sodium Starch Glycolate, Sodium Lauryl Sulphate dan Magnesium Stearate.

- Nombor MAL

MAL20040894A

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/02/2016

Nombor siri

BPFK(R4/1)130116/00011